



KENYATAAN AKHBAR KEDUA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

ISU STEVIA PALSU

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merujuk semula artikel bertajuk “Awat Stevia Palsu” yang disiarkan melalui akhbar Berita Harian bertarikh 27 Mac 2017.

KKM melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan telah menjalankan pemantauan ke atas produk stevia di pasaran. Hasil pemantauan mendapati satu sampel berjenama PURE STEVIA keluaran syarikat VJS Cosmo Ent. **tidak mengandungi stevia.**

PRODUK YANG DIDAPATI TIDAK MENGANDUNGI STEVIA



Sehubungan itu, KKM telah mengarahkan syarikat terlibat **memanggil balik produk** tersebut dari pasaran dan **tindakan mahkamah akan di ambil** ke atas syarikat berkenaan di bawah Akta Makanan 1983.

KKM akan terus menjalankan pemantauan ke atas produk stevia dan sekiranya didapati tidak mematuhi Akta Makanan 1983, tindakan penguatkuasaan akan diambil serta pengguna akan dimaklumkan.

KKM sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara-perkara yang boleh mengancam kesihatan pengguna. Sekiranya pengguna mempunyai sebarang kemusykilan berhubung sebarang isu keselamatan makanan, sila hubungi Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan Negeri terdekat atau [melalui](#) [laman](#) sesawang <http://moh.spab.gov.my> atau *facebook* Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) www.facebook.com/bkkmhq.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
26 April 2017